

GUGATAN AKIDAH: BENCI KEPADA ISLAM

Sharifah Nur Farhah Syed Nasruddin
Siti Norshakilah Johar
Wan Hassan Wan Embong

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia,.

Suggested Citation:

Syed Nasruddin S. N. F., Johar S. N., & Wan Embong W. H. (2015). Gugatan akidah: Benci kepada Islam dlm. *Prosiding Seminar Pemantapan Akidah 2015* (Jasmi K. A. & Hiasan Panot, Ed.) pada 16 Mei 2015 bertempat di Dewan Kuliah Khadijah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor, hal. 47-64. ISBN: 978-967-0794-45-5.

ABSTRACT

Artikel ini membincangkan tentang perkara membatalkan syahadah dalam sifat benci kepada Islam. Aspek benci kepada Islam merangkumi definisi benci kepada Islam, pengenalan murtad, definisi murtad, syarat murtad, murtadnya umat Islam (kata-kata), mempersendakan hukum Allah (perbuatan) serta sifat pentadbiran-Nya dan ketuhanan-Nya. Secara keseluruhannya, Islam banyak memberikan garis panduan pada umat-Nya dalam menjalani kehidupan seharian. Namun kadang kala, jika seseorang Muslim itu tidak berpegang kepada Iktikad yang sebenarnya maka akan goyah serta batalkan syahadah seseorang itu sehingga mendorong kepada sifat bencinya kepada Islam. Justeru, Iktikad yang sebenarnya amat penting untuk memandu ke jalan yang betul mengikut syariat Islam.

REFERENCES

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2014). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Gombak, Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Amstrong, Karen. *Awal Sejarah Tuhan terj. (The Great Transformation: The World in the Time of Buddha, Socrates, Confucius and Jeremiah)* (Yuliani Liputo, Trans. Ahmad Baiquni Ed.). Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Fatanah, Abu Ahmad. (2005). *10 golongan yang tidak mendapat syafaat nabi s.a.w.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmiJasmi2011_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2006_6649_d9541cf629534cb1a851eb3a2dcef708.pdf
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*: Utusan Publications.
- Rosman, Arieff Salleh. (2001). *Murtad Mengikut Perundangan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Yasin, Muhammad Na'im. (2003). *Yang Menguatkan yang Membatalkan Iman: Kajian Rinci Dua Kalimah Syahadah*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Yuan, Goh Yong, Muzamil, Nor Syafira, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Cabaran Zaman*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal Jain, Siti Meriam Yusoff. (2009). *Umat Islam Terhina! Kenapa?* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

7

GUGATAN AKIDAH: BENCI KEPADA ISLAM

Sharifah Nur Farhah Syed Nasruddin
Siti Norshakilah Johar
Wan Hassan Wan Embong

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perkara membatalkan syahadah dalam sifat benci kepada Islam. Aspek benci kepada Islam merangkumi definisi benci kepada Islam, pengenalan murtad, definisi murtad, syarat murtad, murtadnya umat Islam (kata-kata), mempersendakan hukum Allah (perbuatan) serta sifat pentadbiran-Nya dan ketuhanan-Nya. Secara keseluruhannya, Islam banyak memberikan garis panduan pada umat-Nya dalam menjalani kehidupan seharian. Namun kadang kala, jika seseorang Muslim itu tidak berpegang kepada Iktikad yang sebenarnya maka akan goyah serta batalkan syahadah seseorang itu sehingga mendorong kepada sifat bencinya kepada Islam. Justeru, Iktikad yang sebenarnya amat penting untuk memandu ke jalan yang betul mengikut syariat Islam.

PENDAHULUAN


Dalam era globalisasi masa kini, dengan persekitaran sekeliling yang semakin didedahkan dengan teknologi canggih maka semakin banyak jugalah ilmu yang tidak ketahui (Jasmi & Mohd Rashid, 2008; Mohd Rashid, Nor Amirah & Jasmi, 2005; Mohd Rashid, Nur Amirah & Jasmi, 2006). Dengan pembangunan yang semakin pesat pada masa kini, ramai golongan yang cerdik ilmu tampil untuk mengkaji sejarah al-Quran dan hadis yang sememangnya menjadi pegangan kepada umat Islam. Sebenarnya terlalu banyak perkara yang boleh membawa seseorang itu ke arah kerosakan akidah bahkan boleh membatalkannya (Rashid *et al.*, 2006; Yuan *et al.*, 2012).

Secara umumnya di sini, ada disebutkan, beberapa perkara yang boleh membatalkan akidah dan iman itu melalui tiga cara, iaitu pemikiran atau hati, perkataan dan perbuatan. Tiga sumber ini adalah merupakan tunjang utama dalam menentukan baik atau buruk seseorang Muslim selepas dia mengucapkan lafaz dua kalimah syahadah (Ilias & Jasmi, 2011; Jasmi, 2002; Jasmi & Md Salleh, 2007; Jasmi *et al.*, 2004; Mohd Nor, 1990). Iktikad dapat ditafsirkan di sini bermaksud apabila seseorang itu berniat untuk meninggalkan agama Islam atau lebih dikenali sebagai murtad yang setiap apa yang dibuat adalah bertentangan dengan Islam. Perkataan pula bermaksud apabila dirinya mengisytiharkan keluar daripada Islam.

Sebagai contoh seseorang itu mencaci, menghina, mengejek, mempermainkan dan mempersendakan nama Allah, sifat-Nya, malaikat, para rasul, kitab, ayat-Nya, hukum Nya, dan perkataan yang menolak atau menafikan segala perkara yang ada dalam al-Quran dan sunnah serta ijmak ulama. Manakala dari segi perbuatan pula apabila seseorang itu menganut agama lain walhal agama yang sebenarnya adalah agama Islam. Seperti contoh seseorang itu mengagungkan makhluk lain selain Allah serta bersujud kepada yang lain.

Iktikad juga dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Yang pertama merupakan iktikad alam yakni qadim atau kekal, tiada pencipta. Manakala iktikad yang kedua pula iktikad pencipta alam yakni baharu dan menyerupai makhluk yang lain. Iktikad yang terakhir pula ialah menafikan kebenaran yang disampaikan oleh rasul, dan sekali gus menafikan kerasulan Nabi Muhammad SAW (Ismail awang 1986: 26-27).

Antara sebab mengapa perkara sedemikian boleh berlaku dalam kalangan umat Islam itu sendiri adalah kerana lemahnya pegangan agama. Lemah di sini dapat dihuraikan dalam erti kata lain ialah jahil tentang akidah dan iman serta hukum agama. Ramai yang lebih cenderung untuk percaya akan dunia luar dan pengaruh barat atau secara tepatnya ialah agama lain yang meluas di negara Malaysia berbanding lebih cenderung untuk mempercayai, mendalami serta mengakui bahawa tiada agama lain yang dapat membimbing ke jalan kebenaran selain dari agama Islam.




Antara penyebab lain juga adalah melalui pengaruh rakan sebaya. Remaja kini lebih rapat dan memilih untuk percaya pada rakan sebaya berbanding keluarga sendiri. Hal sedemikian berlaku kerana mereka merasakan selesa untuk meluahkan apa sahaja yang terbuku di hati dan apa sahaja yang di ingini dapat dilakukan bersama rakan yang rata-ratanya adalah sebaya. Bagi remaja pada zaman kini, keluarga hanya mengongkong dan tiada hak kebebasan yang diberikan kepada kehidupan mereka. Dengan melihat faktor sebegini, orang luar yang datang di negara merasakan dengan cara mentafsir dan monopoli fikiran anak-anak remaja sekarang sedikit sebanyak lebih cenderung untuk melakukan apa sahaja yang boleh membawa kepada perkara yang membatalkan akidah.

Dengan fahaman ideologi moden masa kini seperti materialisme, liberalisme, pluralisme, dan sebagainya umat Islam semakin mudah dipengaruhi dengan unsur negatif. Tahun ke tahun umat Islam digemparkan dengan isu murtad dan cubaan memurtadkan umat Islam. Semakin ramai yang bijak it dan teknologi semakin ramai yang ingin memonopoli ilmu-ilmu agama dan akhirnya membawa kepada permasalahan umat Islam. Tidak ketinggalan juga umat Islam digemparkan dengan budaya negatif dan songsang seperti black metal, budaya punk, gejala gay, seks bebas dan sebagainya.

Perkara sedemikian berlaku adalah faktor kurangnya didikan agama yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak, kurangnya pendedahan mengenai isu murtad di sekolah, universiti. Selain, pengaruh rakan sebaya serta faktor lain juga adalah kerana di atas kehendak mahupun kerelaan diri sendiri yang mungkin sebelumnya mempunyai masalah kemurungan atau masalah peribadi yang menganggap dengan jalan negatif yang diambil dapat menyelesaikan masalah mereka.

BENCI TERHADAP ISLAM

Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan Islam itu dibenci mahupun dimusuhi. Antaranya ialah dari segi politik, sosial, ekonomi dan sebagainya (Fatanah, 2005). Benci terhadap Islam boleh diklafikasikan kepada definisi murtad, syarat murtad, murtadnya umat Islam serta



mempersendakan hukum Allah. Kesemua tajuk ini dapat dirangkumkan menjadi satu tajuk iaitu Benci Kepada Islam. Hal ini demikian kerana, apabila setiap tajuk itu dirungkaikan menjadi tajuk kecil dapatlah difahami bahawa segala iktikad, perkataan dan perbuatan seseorang itu apabila terpesong dapat menyebabkan murtad (Jasmi & Tamuri, 2011).

MURTAD

Isu permasalahan umat Islam yang semakin membimbangkan masa kini adalah murtad dan juga bermusuhan sesama sendiri. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perpecahan umat Islam dengan pelbagai cara, bentuk dan tawaran yang dibuat. Jika dilihat dari aspek yang individu yang baru memeluk agama Islam yakni muallaf kebanyakan nya antara mereka adalah yang menganut agama Yahudi, Hindu, Kristian, Majusi, dan sebagainya. Ada antara mereka yang masih berpegang serta mengamalkan cara hidup yang lama walaupun mereka sudah melafazkan dua kalimah syahadah dan diberi kefahaman mengenai hukum Islam.

Fahaman dan amalan yang lama dan ajaran Islam bercampur dan menyebabkan kekeliruan kepada mereka yang sukar difahami ekoran golongan ini masih baru lagi dalam memeluk agama Islam. Masih banyak lagi yang perlu diajar serta dipelajari agar mereka betul-betul faham serta dapat melaksanakan segala perintah agama Islam mengikut landasan yang betul.

Permasalahan yang seterusnya ialah murtad. Islam menjadikan kes murtad adalah sebagai jenayah hudud. Seperti yang umat Islam ketahui hudud adalah hukuman hak Allah SWT untuk menjaga hak dan kepentingan masyarakat. Hukuman hudud ialah bunuh sekiranya kesahihan seseorang itu murtad. Hukuman ini tidak ada pengharapan yang berlaku sekiranya dibuat kerana hudud hanya dilaksanakan hukumannya kepada kesalahan tertentu iaitu murtad. Sekiranya masalah murtad ini berleluasa dan tiada tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa maka kesalahan murtad ini membawa keburukan kepada masyarakat yang kurang pegangan akidahnya.

Definisi Murtad

Murtad menurut bahasa Arab adalah berasal dari perkataan riddah. Manakala Riddah itu kembali sesuatu kepada selainnya. Dari segi Istilah syarak pula banyak yang boleh ditakrifkan iaitu keluar dari agama Islam, meninggalkan agama Islam dan berpaling kepada Islam (Rosman, 2001).

Seseorang yang ingin keluar dari agama Islam hendaklah mempunyai syarat yang ditetapkan. Sekiranya golongan murtad ini tidak memenuhi syarat yang ada maka golongan ini tidak dapat diklasifikasikan sebagai murtad.

Syarat Murtad

Antara syaratnya ialah berakal, baligh dan berkehendak. Jika seseorang itu memiliki syarat-syarat yang disebutkan tadi maka seseorang Muslim itu boleh terkeluar daripada agama Islam.

Murtad akan terjatuh apabila seseorang itu berakal untuk membezakan perkara yang baik mahupun yang buruk. Apabila seseorang itu gila, tidak waras atau kanak-kanak maka mereka tidak dijatuhkan hukuman hudud dan murtad walaupun mereka membuat perkara yang boleh terkeluar dari agama Islam. Berdasarkan hukum syarak akal adalah penentu kepada seseorang sama ada mukalaf ataupun tidak. Ada dalil yang dinyatakan bahawa hukum murtad itu dijatuhkan apabila seseorang itu berakal (al-Tirmidhi, 1998: 1423; Abu Dawud, 2009: 4403; Ahmad, 2001: 1362):

عَنْ عَلِيٍّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ
النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَشِبَّ وَعَنِ الْمَعْتُورِ
حَتَّى يَعْقِلَ

Maksud: Saidina 'Ali berkata kepada Saidina 'Umar r.a. Tidakkah engkau mengetahui sesungguhnya pena diangkat (tidak ditaklif)

daripada orang gila sehingga sedar, kanak-kanak sehingga dia mengetahui dan orang tidur sehingga terjaga ?

(Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan Ahmad)

Mabuk

Syarat yang seterusnya ialah mabuk. Mabuk ini pula boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu mabuk yang memabukkan dengan pengetahuan dan mabuk yang memabukkan tanpa pengetahuan. Mabuk yang memabukkan dengan pengetahuan di sini ialah seseorang itu minum minuman yang boleh memabukkan dan mengetahui bahawa minuman itu boleh membawa kemudaratan pada diri dan orang sekeliling serta boleh menyebabkan berlakunya sesuatu yang tidak dijangka (hilang ingatan) dan menyebabkan jatuh murtad.

Mabuk yang memabukkan tanpa pengetahuan pula seseorang itu minum atau makan sesuatu yang memabukkan tanpa pengetahuan termasuk ubat ia tidak dijatuhkan murtad walaupun ada perkara yang dibuat boleh menyebabkan murtad. Hal ini tiada perbezaan fahaman dari segi ulama'.

Gila

Syarat yang ketiga ialah gila. Apabila seseorang itu gila tanpa menyedarkan diri walaupun sesaat dan membuat perkara yang boleh menyebabkan murtad maka tidak sah murtadnya. Gila yang dimaksudkan di sini ialah apabila seseorang itu gila atau separuh sedar (sawan, meroyan dan sebagainya) dan dalam pada ketika gila itu berlakunya perkara yang boleh menyebabkan murtad maka sah murtadnya.

Sihir

Orang yang terkena sihir juga tidak sah hukum murtadnya kerana dia dalam keadaan tidak sedar dan tidak waras untuk melakukan perkara yang boleh jatuh murtad. Kerana perkara ini berlaku biasanya adalah disebabkan perkara yang bukan dari kehendaknya.

Baligh

Baligh juga termasuk dalam syarat murtad yang apabila seseorang itu belum baligh dan melakukan perkara yang boleh jatuh murtad maka tidak sah hukumnya dan sebaliknya. Baligh di sini dapat diertikan dengan seseorang itu dapat berfikir dengan waras, nyata dan jelas dengan apa yang dilakukan. Boleh membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Syarat yang terakhir ialah kehendak. Kehendak di sini ialah seseorang itu melakukan perkara yang boleh jatuh murtad dengan kerelaan hati dan dirinya. Apabila seseorang itu dipaksa atau terpaksa tanpa rela maka tidak sah jatuh murtad. Dalam dalil ada menyatakan:

وَعَلَامَاتٍ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ ﴿١٦﴾

Maksud: Dan (Dia mengadakan) tanda panduan jalan dan dengan bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.

(Surah *al-Nahl*, 16:16)

BENCI ISLAM DENGAN PERKATAAN

Kisah mengenai murtad sememangnya sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW lagi berlaku sehinggalah ke hari ini. Sebenarnya ramai umat Islam yang pada asalnya memeluk agama Islam tetapi akhirnya murtad yakni terkeluar daripada ajaran Islam. Kenapa perkara sebegini berlaku dalam kalangan umat Islam itu sendiri?

Al-Syahid Sayyid Qutb (Zainal Jain, 2009) dalam tafsiran al-Quran bertajuk *Fi Zilali al-Qur'an* yang diterjemah kepada Bahasa Inggeris bertajuk *In The Shade of al-Quran* Jilid 30, dalam bahagian pengenalan yang dihuraikan oleh Muhammad Qutb menggambarkan umat Islam pada hari ini seperti berikut: "Umat Islam hari ini jauh menyimpang daripada amalan hidup Islam sebenarnya. Imej Islam yang mereka tunjukkan sebagai cara hidup adalah jelas bertentangan

dengan ajaran Islam hakiki yang dipraktikkan oleh generasi Islam sebelum ini. Islam melarang umatnya menjadi murtad kerana orang yang bersikap demikian terkeluar daripada Islam. Sebagaimana yang digambarkan melalui firman Allah dalam:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksud: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang yang fasik.

(Surah Ali Imran, 3:110)

Sebagai contoh murtad yang berlaku ketika zaman Nabi Muhammad SAW ialah apabila Musailamah al-Khazab mengaku bahawa diri beliau adalah nabi serta enggan menunaikan zakat dan bermula dari situlah puluhan ajaran sesat muncul dan tersebar dengan meluas. Daripada kisah ini juga dapat umat Islam ketahui bahawa apabila berlakunya murtad yang rata-ratanya dilakukan sendiri oleh orang Islam itu menunjukkan bahawa apabila pegangan syahadah seseorang itu goyah maka pelbagai perkara di luar jangkauan mereka boleh berlaku yang sememangnya boleh merosakkan akidah. Apabila goyah syahadah juga maka keyakinan mereka terhadap Islam juga akan lemah. Satu hadis ada menjelaskan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بَدَأَ الْإِسْلَامُ
غَرِيبًا وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ

*Maksud: Abu Hurayrah RA katanya bahawa Rasulullah SAW
bersabda: "Islam itu datang asing dan kembalinya juga asing."*

Maksudnya di sini ialah apabila Islam itu datang Islam disambut dengan penghinaan dan kebencian oleh manusia akhir zaman dan di akhir zaman itu juga Islam terlalu asing sehinggakan manusia itu sendiri tidak tahu mengenai Islam itu sendiri. Malahan juga ada segelintirnya merasa malu apabila dirinya dikaitkan dengan agama Islam. Pada ketika itu, mereka merasakan agama Islam itu sudah tidak lagi relevan dalam kehidupan lebih-lebih lagi pada zaman masa kini.

Suatu ketika dulunya Islam adalah pembawa obor yang menerangi dunia. Dulunya satu pertiga daripada bumi pernah diperintah oleh Islam yang menakluk dunia ketika zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW Ketika itu, undang-undang Islam yang dijalankan dilaksanakan sepenuhnya untuk menjamin keselamatan rakyat di bawah naungannya.

Apabila berlakunya perkara seperti ini, dapat disimpulkan bahawa rasa benci kepada Islam itu dengan murtadnya seseorang boleh menyebabkan jatuhnya syahadah serta terpesongnya akidah mereka. Seperti firman Allah SWT:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ
مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

*Maksud: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam,
maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat
kelak dari orang yang rugi.*

(Surah Ali Imran, 3:85)

BENCI ISLAM DENGAN PERBUATAN

Islam phobia adalah satu istilah yang merujuk kepada prasangka dan diskriminasi pada Islam serta Muslim. Badan Amanah Runnymede memberi tafsir Islam phobia itu adalah timbulnya “rasa takut dan benci terhadap Islam sehinggakan membawa kepada perasaan takut dan tidak suka kepada orang Islam”.

Dalam Islam pelbagai hukum hakam ditentukan oleh Allah SWT yang mana setiap hukum tersebut termaktub dalam al-Quran itu sendiri. Setiap hukum hakam Allah itu bukan sahaja merujuk kepada ibadat, muamalat, politik dan sebagainya. Tetapi merangkumi dalam segala hal seperti akhlak, tatacara dalam kehidupan seharian dan sebagainya. Pelbagai cara boleh dilakukan jika seseorang itu membenci atau tidak bersetuju terhadap salah satu daripada hukum Islam.

Antara bentuk kebencian atau penentangan terhadap Islam yang dilakukan oleh segelintir manusia yang mana mereka yang melakukan gejala seperti ini adalah yang memeluk agama Islam itu sendiri bergelar Muslimin dan boleh diklasifikasikan dalam pelbagai aspek antaranya ialah dengan melalui kata-kata, perbuatan, pengakuan atau sifat baginda SAW sama ada yang terkandung dalam al-Quran mahupun sunnah. Seseorang itu boleh dianggap terkeluar daripada Islam dengan terjadinya perkara yang membatalkan ikrar dan pengakuan dua kalimah syahadah. Dua kalimah syahadah boleh ditakrifkan sebagai mentauhidkan Allah. Manakala, mentauhidkan Allah terdiri daripada sifat-Nya sebagai Pentadbir dan tempat untuk disembah (Yasin, 2003).

Jika dilihat pada zaman sekarang, banyak kata-kata mahupun perbuatan yang mempersendakan Islam berlaku secara berleluasa yang rata-ratanya dilakukan sendiri oleh orang Islam. Sebagai contoh, penentangan terhadap Islam yang boleh diklasifikasikan dari aspek perbuatan seperti isu terkini yang sering diperkatakan ialah mengenai segelintir umat Islam yang memegang anjing. Sedia yang umat Islam maklum bahawa anjing itu merupakan salah satu najis yang terkandung dalam bahagian najis *mughallazah*, iaitu najis yang paling berat.

Umat Islam dikejutkan dengan memegang anjing di khalayak ramai tanpa rasa segan dan silu. Hal seperti ini yang berlaku kadangkala boleh menyebabkan timbulnya kekeliruan dalam kalangan umat Islam itu sendiri kerana adanya segelintir pihak yang berkenaan tidak tahu hakikat bahawa sesuatu hukum itu sebenarnya adalah datang daripada Allah dan lebih-lebih lagi apabila hukum yang berkaitan dengan isu memegang anjing mahupun khinzir tanpa ada sebab yang mendesak mahupun darurat itu hukum sebenarnya adalah haram dengan niat ingin memegang atas dasar suka-suka. Hal ini demikian kerana anjing dan khinzir dikategorikan sebagai sesuatu yang najis. Najis menurut pengertian syarak ialah segala benda yang menghalang daripadanya sahnya solat. Adapun khinzir, sebahagian ulama menukulkan ijmak tentang kenajisannya seperti Ibnu al-Munzir dalam kitab al-ijmak. Manakala bagi anjing pula jumbuh ulama berpendapat bahawa anjing keseluruhan badannya adalah najis.

Walaupun hakikat sebenarnya tiada dalil yang mengatakan haram memegang anjing mahupun khinzir namun jika seseorang itu berniat untuk memegang anjing tanpa ada sebab musabab yang munasabah yang menyebabkan seseorang itu ingin memegang anjing atau keadaan anjing itu sendiri bukan berada dalam keadaan yang darurat maka haram hukumnya apabila menyentuh dengan niat sengaja. Manakala apabila berbicara dalam konteks akidah pula, perbuatan seperti memegang anjing ini boleh diklasifikasikan sebagai mempersendakan hukum Allah kerana mereka memegang anjing itu bukan dalam keadaan yang darurat. Walhal umat Islam tahu bahawa anjing dan khinzir itu adalah najis, maka jika tiada sebab yang mendesak tidak perlulah umat Islam memegang anjing hanya sekadar untuk kepuasan diri sendiri walhal hakikat sebenarnya umat Islam tahu hukum memegang anjing tanpa sebab yang mendesak adalah haram.

Justeru, isu terkini mengenai umat Islam yang memegang anjing itu jelaslah menunjukkan perilaku perbuatan tersebut sebenarnya boleh dikategorikan sebagai mempersendakan hukum hakam yang secara azalnya memang umat Islam tahu bahawa an-

jing itu najis dan memegangnya tanpa sebab yang darurat adalah haram. Hal ini demikian kerana, apabila seseorang itu memegang anjing tanpa ada sebab yang munasabah ini boleh menimbulkan persepsi dalam kalangan manusia yang beragama selain daripada agama Islam untuk berfikir negatif terhadap agama Islam.

BENCI DENGAN ALLAH SWT

Dalam Islam, tauhid terbahagi kepada tiga iaitu tauhid Rububiyah, Uluhiyyah dan Asma al-Husna. Rububiyah dan Uluhiyyah itu merupakan tunggak utama bagi umat Islam. Seseorang Muslim itu perlulah beriman dengan sifat-sifat tersebut.

Tauhid Rububiyah

Tauhid Rububiyah mengiktikadkan diri bahawa Allah SWT itu adalah tuhan yang layak disembah. Rububiyah menerangkan segala sifat mengenai Allah iaitu Ar-Rab membawa maksud tuhan yang satu. Dalam Rububiyah ini menjelaskan sifat Allah yang maha Pencipta, Allah yang mentadbir sekalian alam, berkuasa mematikan dan menghidupkan, pemberi rezeki dan sebagainya (Yasin, 2003; al-Qardhawi, 2014). Firman Allah SWT:

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ
وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ
الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ

﴿٣١﴾

Maksud: Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): Siapakah Yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang

hidup dari benda yang mati dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: Allah jualah yang menguasai segala-galanya! Oleh itu, katakanlah: (Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?

(Surah Yunus ayat 31)

Setiap Iktikad, perkataan dan perbuatan seseorang itu yang menunjukkan keingkaran dalam mengimani tauhid Rububiyyah juga boleh mendorong seseorang itu menjadi kafir dan murtad. Perkara seperti ini adalah termasuk dalam salah satu faktor Benci kepada Islam. Kufur terhadap sifat Rububiyyah boleh mendorong seseorang ke arah murtad kerana apabila seseorang Muslim itu menganggap dirinya sebagai pemberi rezeki, mencipta, pengurus alam dan sebagainya perkara seperti itu menunjukkan dirinya seorang yang kufur dan terkeluar daripada Islam.

Tauhid Uluhiyyah

Jika tauhid Rububiyyah menceritakan tentang sifat Allah SWT, tauhid Uluhiyyah pula menceritakan tentang Ibadat hambanya kepada Allah. Uluhiyyah bermaksud mengesakan Allah SWT. Esa di sini bermakna tuhan yang Satu. Sepertimana firman Allah:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.

(Surah al-Ikhlâs ayat 1:112)

Dalam konteks tauhid Uluhiyyah, mengajar manusia supaya menyerahkan diri sepenuhnya terhadap Allah SWT, menyembah Allah SWT dengan sepenuh hati sehingga timbul rasa mahabbah, ikhlas, tawakkal kepadaNya kerana hanya Allah SWT yang layak disembah dari selainnya. Seperti firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ
تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksud: Dan dirikanlah kamu akan solat serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

(Surah An-Nur ayat 56)

Jadi, sekiranya seorang Muslim itu menyembah selain dari Allah SWT yakni syirik kepada Allah SWT dalam urusan ibadat ia tidak mentauhidkan Allah SWT sebenar-benarnya (Amstrong). Maka, jika seseorang Muslim itu tidak beramal, beriktikad serta beramal dengan tauhid Uluhiyyah yang bertentangan dengannya maka seorang Muslim itu akan Murtad sekaligus keluar daripada agama Islam.

Perbuatan seperti syirik jelas menunjukkan bahawa ianya bertentangan dengan agama Islam dan sekiranya seorang Muslim itu sendiri melakukannya ia juga termasuk dalam pekara yang membatalkan syahadah seseorang Muslim dalam sifat benci kepada Islam. Oleh hal yang sedemikian, perlulah diingat bahawa setiap Muslim seharusnya berpegang kepada ajaran Islam sepenuhnya agar akidah terpesong dari landasan yang sepatutnya.

RUMUSAN

Masalah murtad di negara Malaysia boleh dikatakan pada tahap kritikal. Dengan canggihnya teknologi yang ada masa kini, cerita

memurtadkan Islam semakin tersebar meluas. Banyak akhbar yang hanya memandang sebelah mata, memekakkan telinga, membutakan mata mengenai kes murtad ini hanya kerana untuk menjaga perkauman, mengelakkan perpecahan bangsa, berlakunya ka-
cau bilau sesama masyarakat.

Malah murtad yang berlaku sehingga kini menjadi ancaman kepada orang Islam. Semakin maju negara, ilmu, dan teknologi semakin ramai yang menzahirkan dirinya murtad. Statistik murtad dan perangkaan tahun 1989 sahaja sudah mencecah kepada 4776 orang melayu yang mohon tukar nama dari Melayu kepada bukan Melayu atas alasan mengaku dirinya keluar dari Islam.

Dalam laman sosial iaitu facebook tersebar luas mengenai orang Islam yang murtad dan memurtadkan yang lain. Mereka dengan beraninya menyalahgunakan ayat al-Quran dan dalil-dalil yang ada untuk memusingkan fakta serta memutarbelitkan tentang kewujudan Allah dan kejadian Nya. Seperti yang umat Islam semua maklum, kejadian dan kewujudan Allah memang tiada tolak bandingnya. Allah itu Esa. Oleh itu, untuk mengelakkan diri seseorang supaya tidak terlibat dalam perbuatan yang boleh merosakkan akidah ialah dengan cara meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap agama. Meningkatkan ilmu pengetahuan agama di sini bukan sahaja hanya tahu menerima apa sahaja yang dipelajari tetapi perlu diselidik dahulu tahap kebenarannya. Tidak hanya dengan menambahkan ilmu pengetahuan tetapi seseorang itu boleh melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan dengan mengemaskinikan lagi pendekatan dakwah Islam di semua peringkat lapisan masyarakat.

Zaman sekarang ilmu agama tidak hanya tertumpu di sekolah mahupun pusat-pusat pengajian malah ianya juga diadakan di surau-surau, masjid, balairaya dan sebagainya yang boleh menghubungkan masyarakat. Dalam diri seseorang juga memerlukan sahsiah yang tinggi untuk membantu diri dari mengelakkan melakukan perbuatan yang mendorong ke arah mempersendakan agama. Banyak program yang boleh dibuat bagi membantu remaja, anak-anak muda dan golongan belia yang memerlukan ilmu

agama bagi menambahkan pengetahuan dalam diri antaranya program anak angkat, program jati diri, dan sebagainya.

Justeru, kesimpulan yang boleh dibuat daripada perbahasan mengenai skop benci kepada Islam ini jelaslah bahawa murtad mengikut perspektif serta pandangan Islam adalah merupakan jenayah yang paling besar, ia di anggap sebagai perbuatan yang keji dan kufur kerana jenayah ini menghina Allah SWT serta boleh mempersendakan agama Islam. Oleh sebab itu, seseorang yang menzahirkan dirinya murtad haruslah bergegas bertaubat.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2014). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Gombak, Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Amstrong, Karen. *Awal Sejarah Tuhan terj. (The Great Transformation: The World in the Time of Buddha, Socrates, Confucius and Jeremiah)* (Yuliani Liputo, Trans. Ahmad Baiquni Ed.). Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Fatanah, Abu Ahmad. (2005). *10 golongan yang tidak mendapat syafaat nabi s.a.w.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). <http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmi->

- Jasmi2011_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.

- (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2006_6649_d9541cf629534cb1a851eb3a2dcef708.pdf
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*: Utusan Publications.
- Rosman, Arieff Salleh. (2001). *Murtad Mengikut Perundangan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Yasin, Muhammad Na'im. (2003). *Yang Menguatkan yang Membatalkan Iman: Kajian Rinci Dua Kalimah Syahadah*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Yuan, Goh Yong, Muzamil, Nor Syafira, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Cabaran Zaman*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal Jain, Siti Meriam Yusoff. (2009). *Umat Islam Terhina! Kenapa?* Kuala Lumpur: Utusan Publications.